

JENAYAH GENOSID TERHADAP HAK ASASI MANUSIA: TINJAUAN MENURUT UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA ISLAM

GENOCIDE CRIME AGAINST HUMAN RIGHTS: A REVIEW UNDER ISLAMIC INTERNATIONAL LAW

Muhammad Fahmi Md Ramzan^{1*}
Nurfarhana Mohd Daud²
Aemy Aziz³
Mohamad Zainodin Mustaffa⁴
Mohamad Zaidi Abdul Rahman⁵

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor, Malaysia, (E-mail: fahmiramzan@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor, Malaysia, (E-mail: nurfarhana0953@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor, Malaysia, (E-mail: aemy@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor, Malaysia, (E-mail: mohdz334@uitm.edu.my)

⁵ Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia (E-mail: mzaidi@um.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 6-8-2025
Revised date : 7-8-2025
Accepted date : 23-9-2025
Published date : 30-9-2025

To cite this document:

Md Ramzan, M. F., Mohd Daud, N., Aziz, A., Mustaffa, M. Z., & Abdul Rahman, M. Z. (2025). Jenayah genosid terhadap hak asasi manusia: Tinjauan menurut undang-undang antarabangsa Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 1020 -1034.

Abstrak: Makalah ini membincangkan tentang jenayah genosid yang diiktiraf sebagai salah satu jenayah antarabangsa utama oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Jenayah genosid ini menjadi ancaman utama terhadap kehidupan umat manusia kerana meruntuhkan nilai kemanusiaan dan mengakibatkan pembunuhan secara besar-besaran berdasarkan kelompok tertentu. Sebagai contoh, peristiwa Holokus, pembunuhan hampir 1 juta suku Tutsi di Rwanda, tragedi Srebrenica dan yang terkini ialah genosid yang dilakukan oleh rejim Zionis Israel ke atas rakyat Gaza. Makalah ini mengkaji jenayah genosid menurut undang-undang antarabangsa Islam dan melihat keselariannya dengan undang-undang antarabangsa moden kerana Islam sangat menekankan prinsip kemanusiaan dalam hubungan antarabangsa. Tambahan pula, banyak kajian berkaitan jenayah genosid menurut undang-undang antarabangsa moden tetapi kurang membandingkannya dengan undang-undang antarabangsa Islam. Selain itu, sumbangan undang-undang antarabangsa Islam sering dikesampingkan dalam wacana hak asasi manusia antarabangsa. Kajian ini menggunakan pendekatan

kualitatif berbentuk analisis tekstual terhadap dokumen perundangan utama berkaitan jenayah genosid. Hasil kajian mendapati bahawa peruntukan di dalam undang-undang antarabangsa Islam dilihat selari dengan undang-undang antarabangsa moden dalam menilai genosid sebagai jenayah yang melanggar hak asasi manusia. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa terdapat keperluan untuk mengintegrasikan undang-undang antarabangsa Islam ke dalam perbincangan berkaitan hak asasi manusia untuk memperkaya wacana ilmiah berkaitan kemanusiaan.

Kata Kunci: *Genosid; hak asasi manusia; undang-undang antarabangsa; undang-undang antarabangsa Islam; kemanusiaan*

Abstract: *This paper discusses about genocide, which is recognised as one of the main international crimes by the International Court of Justice (ICJ). Genocide poses a major threat to human life because it destroys human values and results in mass murder based on specific groups. For example the Holocaust, the killing of nearly 1 million Tutsis in Rwanda, the Srebrenica tragedy, and most recently, the genocide committed by the Zionist regime of Israel against the people of Gaza. This paper examines the crime of genocide according to Islamic international law and looks at its compatibility with modern international law, as Islam strongly emphasises the principle of humanity in international relations. Furthermore, many studies relate to genocide crimes under modern international law but less to compare them with Islamic international law. In addition, the contribution of Islamic international law is often overlooked in the discourse on international human rights. This study uses a qualitative approach in the form of textual analysis of main legislative documents related to the crime of genocide. The results of the study found that the provisions in Islamic international law are seen as consistent with modern international law in assessing genocide as a crime that violates human rights. Furthermore, this study found that there is a need to integrate Islamic international law into discussions related to human rights in order to enrich the scientific discourse on humanity.*

Keywords: *Genocide; human rights; international law; Islamic international law; humanity*

Pengenalan

Genosid merupakan jenayah yang dilakukan ke atas ras tertentu dan dilakukan atas dasar kepentingan politik pihak tertentu (Bassiouni, 1980; Schabas, 2001). Istilah ini diambil dari bahasa Inggeris, “*genocide*” yang diperkenalkan oleh Raphael Lemkin, seorang pakar perundangan dari Poland dalam bukunya yang berjudul “*Axis Rule in Occupied Europe*” (1944). Beliau memperkenalkan istilah tersebut dari gabungan kata Greek, “*genos*” yang bermaksud ras atau suku dan kata “*cide*” yang bermaksud membunuh (Bani-Meqdad, 2024; Leblanc, 1991).

Menurut Graven (1950), jenayah yang paling mendasar dari semua serangan terhadap hak asasi manusia adalah jenayah genosid. Tidak ada yang lebih menyayat hati dalam pengertian jenayah daripada dasar pemusnahan sistematik sesuatu kelompok berdasarkan identiti etnik mereka. Hal ini sepertimana pernah dilakukan oleh tentera Nazi di bawah pemerintahan Adolf Hitler sewaktu Perang Dunia Kedua (WWII) di antara tahun 1941 – 1945. Peristiwa yang disebut sebagai Holokus (*Holocaust*) telah meragut sekitar 6 juta nyawa kaum Yahudi yang menjadi

mangsa penyeksaan oleh tentera Nazi. Terdapat beberapa cara yang digunakan oleh tentera Nazi untuk membunuh mereka, antaranya memasukkan mereka ke dalam suatu ruangan gelap dan tertutup dan memenuhi ruangan tersebut dengan gas beracun. Manakala kanak-kanak dibunuh dengan cara yang berbeza, iaitu secara medik berupa suntikan maut atau *euthanasia* (Friedlander, 1997).

Berdasarkan peristiwa menyayat hati dan menyentuh nurani kemanusiaan tersebut, negara-negara anggota di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah bersepakat menyusun sebuah perjanjian antarabangsa untuk mengelakkan kejadian yang serupa daripada berulang kembali. Pada 9 Disember 1948, PBB telah mewujudkan Konvensyen Pencegahan dan Hukuman Jenayah Genosid (*Convention on the Prevention and Punishment of the Crime of Genocide*) atau lazim disebut dengan Konvensyen Genosid yang telah diratifikasi oleh 153 buah negara sehingga tahun 2025.

Konvensyen Genosid ini telah menjadi salah satu instrumen dan sumber perundangan penting di bawah undang-undang jenayah antarabangsa (*international criminal law*), iaitu sekumpulan kaedah dan aturan undang-undang berkaitan tindakan jenayah di peringkat antarabangsa yang dilakukan oleh subjek undang-undangnya untuk mencapai suatu tujuan tertentu (Parthiana, 2015).

Artikel 1 konvensyen tersebut menyatakan:

The Contracting Parties confirm that genocide, whether committed in time of peace or in time of war, is a crime under international law which they undertake to prevent and to punish.

Terjemahan: Para pihak berkontrak mengesahkan bahawa pembunuhan beramai-ramai (genosid), sama ada dilakukan pada masa damai atau semasa perang adalah merupakan jenayah di bawah undang-undang antarabangsa yang mana mereka mengambil peranan untuk mencegah dan menghukum.

(Siri Perjanjian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1951).

Berdasarkan keterangan di atas, dapat ditafsirkan usaha negara-negara penandatangan untuk mencegah dan menghukum pelaku jenayah genosid (Hurd, 2011). Apabila diperhatikan pula Artikel 2 konvensyen tersebut, ia menyatakan bahawa istilah genosid merujuk kepada tindakan yang dilakukan dengan tujuan untuk menghancurkan secara keseluruhan atau sebahagian bangsa, etnik, ras, atau kelompok agama, termasuk:

- a) Membunuh anggota kelompok;
- b) Menyebabkan bahaya mental atau fizikal serius dari anggota kelompok;
- c) Dengan sengaja menimbulkan keadaan di dalam kelompok yang diperkirakan akan membawa kehancuran fizikal secara keseluruhan atau sebahagian;
- d) Memaksakan langkah-langkah yang dimaksudkan untuk mencegah kelahiran di dalam kelompok;
- e) Dengan paksaan memindahkan anak-anak yang menjadi sebahagian dalam suatu kelompok ke kelompok yang lain.

(Siri Perjanjian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1951).

Artikel di atas dengan jelas mengisyaratkan bahawa tujuan genosid ialah untuk menghancurkan seluruh atau sebahagian dari suatu kelompok etnis, ras atau agama. Namun, jenayah genosid ini tidak terbatas pada pembantaian etnik atau kelompok, tetapi juga mencakupi kes-kes yang membawa kecederaan parah terhadap kesihatan fizikal atau psikologi anggota kelompok, termasuk tindakan untuk mencegah kelahiran di kalangan anggota kelompok, pemindahan paksa anak-anak kelompok ke kelompok lain dan sebagainya, baik sewaktu perang mahupun damai (Horand & Pourghahramani, 2016; Kress, 2007).

Berdasarkan beberapa tindakan yang termaktub di dalam Artikel 2 Konvensyen Genosid, ia mencerminkan tindakan jenayah yang sangat dahsyat sehingga mengejutkan hati nurani manusia dan membangkitkan kesedaran negara-negara. Lantaran itu, jenayah genosid menjadi antara keutamaan penting yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat antarabangsa (El-Dakkak, 2000).

Komitmen masyarakat antarabangsa untuk mencegah jenayah genosid ini telah diperkukuhkan melalui Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) (1951) yang telah berulang kali menyatakan bahawa Konvensyen Genosid merangkumi prinsip-prinsip yang merupakan sebahagian dari undang-undang antarabangsa adat umum (*general customary international law*). Menurut Brownlie (1983), Gowlland-Debbas (1990) dan Thornberry (1991), hal ini bermaksud bahawa sama ada negara-negara telah mengesahkan Konvensyen Genosid ataupun tidak, mereka semua tertakluk di bawah undang-undang melalui prinsip bahawa genosid adalah jenayah yang dilarang di bawah undang-undang antarabangsa. Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) juga telah menyatakan bahawa larangan jenayah genosid ini telah menjadi norma peremptori dalam undang-undang antarabangsa atau disebut dengan istilah *jus cogens*, iaitu tiada pengecualian terhadap larangan ini dan tidak boleh dilanggar dalam apa jua keadaan bahkan sewaktu perang (Kirchner & Orozco Lopez, 2021).

Selain itu, terma genosid yang terkandung di dalam Artikel 2 Konvensyen Genosid juga telah diterima pakai dan dimasukkan di dalam Artikel 4 Statut “*The International Criminal Tribunal for the Former Yugoslavia*” (ICTY), Artikel 2 Statut “*The International Criminal Tribunal for Rwanda*” (ICTR) serta Artikel 6 Statut Rom (*Rome Statute*) yang merupakan suatu perjanjian rasmi negara-negara dalam mengiktiraf Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) sebagai badan perundangan antarabangsa yang bersifat tetap dan pelengkap kepada undang-undang sedia ada (Kress, 2007).

Larangan terhadap jenayah genosid ini hakikatnya berkait rapat dengan perlindungan hak asasi manusia yang mana undang-undang antarabangsa melalui Piagam PBB telah menyediakan ruang penting berkaitan hal tersebut. Sebagai contoh, pada Bab 1, Artikel 1 (3) menyatakan di antara matlamat utama penubuhan PBB ialah:

To achieve international cooperation in solving international problems of an economic, social, cultural, or humanitarian character, and in promoting and encouraging respect for human rights and for fundamental freedoms for all without distinction as to race, sex, language, or religion.

Terjemahan: Mengadakan kerjasama antarabangsa untuk menyelesaikan persoalan-persoalan antarabangsa di bidang ekonomi, sosial, kebudayaan atau yang bersifat kemanusiaan, demikian pula dalam usaha-usaha memajukan dan mendorong

penghormatan terhadap hak-hak asasi manusia dan kebebasan-kebebasan dasar seluruh umat manusia tanpa membezakan ras, jantina, bahasa atau agama.

Berdasarkan keterangan Artikel di atas, dapat difahami bahawa hak asasi manusia merupakan hak yang dimiliki seseorang kerana kewujudannya sebagai manusia. Atau dengan kata lain, hak asasi manusia bermaksud segenap hak yang melekat pada diri manusia sehingga mereka diakui keberadaannya tanpa membezakan ras, jantina, bahasa atau agama. Hak asasi manusia tersebut bersumber dari pemikiran moral manusia, sehingga untuk melindungi tercapainya hak tersebut diperlukan usaha-usaha untuk menjaga dan melindungi martabat individu sebagai seorang manusia. Evans (2005) menyatakan bahawa hak asasi manusia telah dimasukkan ke dalam ‘pusat politik dunia’ buat kali pertama di dalam Piagam PBB dan telah disebut sebanyak tujuh kali.

Selain Artikel 1 (3), sebahagian golongan peguam juga mengetengahkan Artikel 55 dan 56 Piagam PBB yang mewajibkan setiap negara untuk menghormati hak asasi manusia. Menurut mereka, segala persoalan berkaitan pelanggaran hak asasi manusia tidak terikat dengan bidang kuasa dalaman sesebuah negara semata-mata, tetapi ia tertakluk dengan undang-undang antarabangsa melalui beberapa ketentuan yang terkandung di dalam Piagam PBB (Wheeler, 2000).

Semangat dari Piagam PBB ini kemudiannya telah melahirkan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (*Universal Declaration of Human Rights*) yang menjadi titik tolak kepada perkembangan hak asasi manusia antarabangsa dalam memperkasakan isi kandungan Artikel 1 (3) Piagam PBB. Deklarasi yang diisytiharkan sewaktu Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 10 Disember 1948 ini mempunyai 30 Artikel penting berhubung pengaturan hak asasi manusia. Sebagai contoh, Artikel 1 deklarasi tersebut menyatakan, “*All human beings are born free and equal in dignity and rights*”, bermaksud setiap manusia dilahirkan bebas dan setaraf martabat dan haknya. Manakala Artikel 3 pula menjelaskan, “*Everyone has the right to life, liberty and the security of person*” yang bermaksud setiap orang berhak terhadap nyawa, kebebasan dan keselamatan dirinya.

Penegasan ini kemudian dikuatkan pula dengan lahirnya Deklarasi dan Program Tindakan Vienna 1993 yang menyatakan setiap negara berkomitmen dan mengakui bahawa perlindungan hak asasi manusia itu bersifat universal, tidak dapat dipisahkan (*indivisible*), saling bergantung (*interdependence*) dan saling berkaitan (*interrelated*). Dengan demikian, apabila wujudnya jenayah antarabangsa yang melibatkan pelanggaran hak asasi manusia, maka hal tersebut perlu menjadi perhatian dan tanggungjawab masyarakat antarabangsa untuk bertindak mencegahnya. Sebagai contoh apa yang berlaku di bumi Gaza menyaksikan penderitaan akibat genosid berterusan oleh rejim Zionis Israel. Dalam konflik terkini sejak Oktober 2023, puluhan ribu nyawa telah terkorban, manakala jutaan lagi kehilangan tempat tinggal, makanan, air bersih dan kemudahan awam. Walaupun kekejaman oleh rejim Zionis Israel telah difailkan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) untuk didakwa atas pelanggaran hak asasi manusia dan tuduhan genosid, mereka terus rakus membantai dan menjarah bumi Gaza. Menurut Shaw (2025), pada suku kedua tahun 2024, Israel menjadi lebih berani dalam melakukan perubahan wilayah yang lebih radikal di Gaza, mengisytiharkan koridor secara eksklusif untuk kegunaan ketenteraan dan merancang pengusiran total rakyat Palestin dari bahagian utara wilayah itu.

Hal ini sedikit sebanyak mencerminkan kegagalan dunia dalam menegakkan keadilan dan melindungi hak asasi manusia. “*Never again*”, itulah janji dunia selepas tragedi Holokus. Namun, jenayah genosid masih lagi berlaku. Janji itu terbukti hanya retorik jika tiada tindakan konkrit dan berprinsip dari komuniti antarabangsa dalam menegakkan dan melindungi hak asasi manusia.

Perlindungan Hak Asasi Manusia Menurut Islam

Islam sebagai agama yang syumul dan sesuai dengan naluri kemanusiaan sememangnya mengakui keperluan asas hidup iaitu pentingnya hubungan sesama manusia. Allah Ta’ala telah menjelaskan di dalam al-Qur’an tentang kepentingan seluruh umat manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit untuk saling berkenal-kenalan dan bersatu di bawah slogan kemanusiaan dalam kehidupan di dunia ini. Firman Allah Ta’ala:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ١٣

Terjemahan: Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

(Surah al-Hujurat: 13)

Berdasarkan ayat yang telah dikemukakan, ia mengisyaratkan bahawa diciptakan manusia dengan pelbagai bangsa dan suku bukanlah untuk bersaing tetapi untuk saling kenal mengenali di antara satu dengan yang lain. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa Islam sebagai agama yang penuh dengan sifat kedamaian dan kesejahteraan sentiasa menjunjung tinggi “*huquq al-Insaniyyah*” (hak-hak manusia) tanpa mengenal diskriminasi agama, etnik, warna kulit dan kebangsaan. Dengan kata lain, Islam menyeru agar seluruh umat manusia yang berlainan asal dan kebangsaan, warna kulit dan agamanya, menegakkan persaudaraan secara menyeluruh, sehingga prinsip kemanusiaan benar-benar terwujud dalam kehidupan umat manusia.

Menurut Baderin (2018), ketentuan ayat al-Qur’an ini merupakan asas norma-norma sosial Islam berkenaan kewujudan manusia yang mencerminkan ikatan kemanusiaan yang sama dengan merujuk kepada aspek persamaan asal-usul dan kelahiran manusia yang sama. Etnik diakui sebagai fenomena semula jadi yang perlu dihargai secara positif dan tidak dieksploitasi secara negatif sehingga mewujudkan diskriminasi atau hinaan antara satu sama lain.

Apabila dianalisis lebih lanjut, terdapat kesepakatan di antara para pentafsir al-Qur’an klasik dan kontemporari bahawa ayat ini menetapkan larangan kebencian dan diskriminasi etnik dalam Islam sejak awal abad ke-7. Sebagai contoh, Sayyid Qutb (2009) menyatakan dalam ulasannya terhadap ayat ini bahawa tujuan Tuhan untuk mewujudkan umat manusia menjadi pelbagai bangsa dan etnik bukanlah untuk menimbulkan konflik dan permusuhan, tetapi untuk tujuan saling kenal mengenali dan hidup bersama secara damai. Manakala menurut Shāfi (2011), ayat tersebut telah menetapkan dasar prinsip persamaan manusia yang menyeluruh dan dengan tegas menebas gagasan palsu tentang kekuasaan yang lahir dari kesombongan kaum atau semangat nasionalis.

Berdasarkan tafsiran-tafsiran di atas, jelas bahawa Islam memandang seluruh umat manusia sama kedudukannya dalam kehidupan sosial masyarakat sehinggalah bernegara. Menurut Ija Suntana (2015), dasar persamaan (*equality*) ini seiring dengan Artikel 1 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) yang menekankan bahawa setiap bangsa di dunia perlu menempatkan bangsa lain sebagai pemilik darjat dan memiliki hak yang sama dari sudut politik, ekonomi mahupun sosial, lebih-lebih lagi hak untuk hidup hatta terhadap bayi yang masih di dalam rahim ibunya.

Oleh yang demikian, tidak diperkenankan apa jua pertimbangan asal usul, ras, etnik, agama, bahasa dan status sosial dalam menentukan hak membangun hubungan di antara manusia. Tidak ada keutamaan bagi bangsa Arab ke atas bangsa yang bukan Arab dan tidak ada perbezaan di antara mereka yang berkulit putih dengan yang berkulit hitam kecuali dengan kadar takwa, sepertimana dipancarkan melalui hadis Rasulullah ﷺ berikut:

عَنْ أَبِي نَضْرَةَ: حَدَّثَنِي مَنْ سَمِعَ خُطْبَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي وَسْطِ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ فَقَالَ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَلَا إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ وَإِنَّ أَبَاءَكُمْ وَاحِدٌ، أَلَا لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَى أَعْجَمِيٍّ وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَى عَرَبِيٍّ وَلَا لِأَحْمَرَ عَلَى أَسْوَدَ وَلَا أَسْوَدَ عَلَى أَحْمَرَ إِلَّا بِالتَّقْوَى، أَبْلَغْتُ؟ قَالُوا: بَلَّغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Terjemahan: Dari Abi Nadrah telah menceritakan kepadaku seseorang yang pernah mendengar khutbah Rasulullah ﷺ di tengah-tengah hari Tasyriq, baginda bersabda: “Wahai sekalian manusia! Rabb kalian satu, dan ayah kalian satu (Nabi Adam). Ingatlah! Tidak ada kelebihan bagi orang ‘Arab ke atas orang ‘Ajam (bukan ‘Arab) dan bagi orang ‘Ajam ke atas orang ‘Arab. Tidak ada kelebihan bagi orang berkulit merah ke atas orang berkulit hitam, bagi orang berkulit hitam ke atas orang berkulit merah kecuali dengan ketaqwaan. Apa aku sudah menyampaikan?” Mereka menjawab: “Ya, benar! Rasulullah ﷺ telah menyampaikan. (Hadis Riwayat Ahmad, no. 22391)

Hadis di atas secara eksplisit menjelaskan bahawa tidak ada kelebihan atau kemuliaan seseorang manusia ke atas manusia lainnya berdasarkan etnik dan warna kulit. Sabda Nabi ﷺ ini sesuai dengan pesanan al-Qur’an, “Yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa” (Surah al-Hujurat: 13). Kemuliaan seluruh manusia itu dipandang sama kerana terkait dengan penciptaan Adam dan Hawa dari tanah. Yang membuat mereka lebih mulia berbanding yang lainnya ialah perkara-perkara keagamaan, iaitu ketaatan terhadap Allah Ta’ala dan rasulNya (Ibnu Kathir, 2015).

Atas dasar itu, Islam menentang sebarang bentuk diskriminasi terhadap sesebuah kelompok berdasarkan perbezaan etnik mahupun warna kulit, apatah lagi sehingga membawa kepada usaha sistematik untuk membunuh dan menghapuskan sekelompok etnik demi kepuasan diri dan kepentingan peribadi sesuatu pihak yang dikenali sebagai genosid. Tindakan tersebut merupakan suatu bentuk pelanggaran terhadap hak asasi manusia paling mendasar, iaitu hak untuk hidup.

Undang-undang antarabangsa Islam telah memperuntukkan ketentuan berhubung perlindungan hak asasi manusia melalui beberapa dokumen perundangan utama kaum Muslimin, antaranya ialah Piagam Madinah, iaitu perjanjian yang dibuat oleh Rasulullah ﷺ dengan pelbagai suku Madinah sekitar tahun 622 M. Sebagai suatu ‘produk’ yang lahir melalui ‘rahim’ peradaban Islam, ia diakui sebagai suatu bentuk perjanjian dan kesepakatan bersama bagi membangun masyarakat yang bertamadun. Piagam ini juga hakikatnya menjadi pelopor terhadap perkembangan konsep hak asasi manusia sejagat jauh 600 tahun sebelum diperkenalkan Magna Carta (1215M) yang dianggap oleh pihak Barat sebagai asas kepada lahirnya pengakuan terhadap hak asasi manusia, dan 1400 tahun sebelum kemunculan konsep hak asasi manusia yang terkenal di era moden, iaitu Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) yang diisytiharkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1948 (Mohd Amin, 2016). Berdasarkan Piagam Madinah susunan al-Qadri (2012), ketentuan berhubung perlindungan hak asasi manusia dapat dilihat melalui beberapa Artikel yang menekankan aspek perlindungan hak hidup yang sama bagi setiap manusia. Sebagai contoh, Artikel 18 memperuntukkan jaminan hak perlindungan hidup yang sama terhadap seluruh kaum Muslimin daripada gangguan pihak lain. Artikel 20 pula memperuntukkan jaminan hak perlindungan hidup yang sama bagi golongan minoriti bukan Islam. Manakala Artikel 50 pula menegaskan semula ketentuan berhubung jaminan hak perlindungan hidup yang sama terhadap semua pihak sepertimana diperuntukkan di dalam perlembagaan. Seseorang yang dijamin perlembagaan akan memperolehi hak perlindungan hidup yang sama selagi mana tidak melakukan kerosakan dan tidak bertindak khianat terhadap ketentuan yang termaktub di dalam Piagam sepertimana dihuraikan pada penghujung Artikel 50.

Dalam konteks masa kini, jaminan Islam terhadap perlindungan hak asasi manusia telah dikembangkan melalui Deklarasi Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam (*Cairo Declaration on Human Rights in Islam*) yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada 5 Ogos 1990 di Kaherah, Mesir. Artikel 2 (a) Deklarasi tersebut memperuntukkan bahawa:

Life is a God-given gift and the right to life is guaranteed to every human being. It is the duty of individuals, societies and states to safeguard this right against any violation, and it is prohibited to take away life except for a Shari'ah prescribed reason.

Terjemahan: Hidup suatu kurniaan Tuhan dan hak kehidupan dijamin untuk setiap manusia. Menjadi tugas semua individu, masyarakat dan negara untuk melindungi hak ini daripada sebarang pelanggaran, dan dilarang mengambil nyawa kecuali atas alasan ditetapkan Syari'at.

Berdasarkan keterangan Artikel tersebut, ia memperuntukkan perlindungan terhadap hak hidup bagi setiap manusia yang merupakan suatu kurniaan Tuhan. Hal ini menunjukkan bahawa hak hidup sebagai suatu hak asasi dan kebebasan universal adalah bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari Islam dan merupakan perintah Ilahi yang mengikat, yang tidak boleh sesiapa jua berhak menanggukannya, melanggar atau mengabaikannya (Darwis & Usman Dilo, 2013).

Jenayah Genosid Menurut Undang-Undang Antarabangsa Islam

Kajian ini memadankan jenayah genosid ke dalam perbahasan menurut undang-undang antarabangsa Islam kerana bentuk jenayah ini telah diakui secara universal sebagai jenayah antarabangsa utama dan bersesuaian dengan wacana penegakkan hak asasi manusia dalam konteks hubungan bernegara masa kini. Jenayah genosid pada hakikatnya merupakan suatu tindakan yang dibenci di dalam Islam yang mana secara umumnya terangkum di bawah konsep *fasād* yang telah dijelaskan larangannya di dalam al-Quran:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا.

Terjemahan: Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya.

(Surah al-A'rāf: 56)

Malah, sejumlah besar negara-negara Islam serta Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) turut memberi sumbangan terhadap perdebatan dan penerimaan Statut Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) (Kelly, 2010). Selain itu, sebahagian pemikir perundangan Muslim kontemporari juga telah menerima pakai dan memasukkan jenayah gensosid ke dalam ruang lingkup perbahasan undang-undang jenayah antarabangsa Islam yang merupakan salah satu cabang di bawah undang-undang antarabangsa Islam. Undang-undang jenayah antarabangsa Islam merupakan suatu sistem perundangan Islam yang telah lama wujud, tetapi tidak dianalisis sebagai disiplin undang-undang yang terpisah. Ia merangkumi perundangan Islam yang menunjukkan prinsip, adat, kewajipan, norma atau peraturan tertentu yang bertujuan melarang dan mencegah perlakuan tertentu dalam hubungan di antara individu, kelompok dan negara. Konsep undang-undang jenayah antarabangsa Islam tidak hanya merangkumi peraturan atau undang-undang kebiasaan Islam, tetapi juga merangkumi peraturan adat dan konvensional undang-undang jenayah antarabangsa. Seperti sistem undang-undang jenayah antarabangsa pada umumnya, undang-undang jenayah antarabangsa Islam bertujuan mencegah, melarang, mengadili dan menghukum tindakan yang bertentangan dengan keamanan, keselamatan dan keadilan antarabangsa (Bassiouni, 2014; Malekian, 2011).

Malekian (2016) telah mengenal pasti bahawa jenayah genosid sama-sama diakui dan dihukum di bawah undang-undang antarabangsa Islam. Melalui nukilannya, beliau turut menyimpulkan bahawa terdapat integrasi di antara prinsip Nuremberg dengan prinsip teras undang-undang

Islam perihal jenayah antarabangsa:

Di sini terdapat keseragaman yang ketara antara prinsip Nuremberg dan undang-undang jenayah antarabangsa Islam. Pendekatan komparatif terhadap prinsip-prinsip perundangan Nuremberg-Islam menuntut bahawa kita perlu segera mengukuhkan bidang kuasa jenayah antara negara mengenai penguatkuasaan undang-undang jenayah yang melibatkan jenayah perang, jenayah terhadap kemanusiaan, pencerobohan, genosid, penyeksaan, diskriminasi, penghinaan, pemenjaraan yang tidak sah, dan pemerkosaan sama ada sewaktu keadaan damai atau perang. Prinsip-prinsip yang bersesuaian di antara kedua sistem berkenaan jenayah-jenayah ini berlaku untuk semua negara melalui penubuhannya sebagai norma *jus cogens*... Mana-mana peguam antarabangsa yang realistik tidak boleh menafikan adanya undang-undang hak asasi manusia dalam struktur dalaman kedua-dua sistem perundangan tersebut.

Oleh itu, undang-undang jenayah antarabangsa Islam juga melarang sebarang tindakan genosid atau pembunuhan besar-besaran melibatkan sekumpulan etnik manusia untuk apa sahaja tujuan. Hal ini merangkumi segala bentuk rancangan dan tindakan yang pada dasarnya mempunyai niat untuk memusnahkan dan menghapuskan sesuatu kumpulan atau kelompok etnik tertentu melalui apa jua cara walaupun ia dilakukan secara beransur-ansur.

Tindakan yang diklasifikasikan sebagai jenayah genosid menurut undang-undang antarabangsa Islam merupakan jenayah serius tidak kira sama ada perbuatan tersebut dilakukan ke atas keseluruhan atau sebahagian kelompok tertentu (Malekian, 2011). Hal ini sepertimana digambarkan melalui keterangan ayat al-Qur'an berikut:

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا
فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Terjemahan: Barangsiapa yang membunuh seorang manusia, bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan barangsiapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia seluruhnya. (Surah al-Mā'idah: 32)

Menurut El-Dakkak (2000) dan Awdah (1999), ayat ini menggambarkan salah satu daripada karakteristik genosid berdasarkan niat pelaku (*mens rea*) dan terdapat unsur-unsur kesengajaan (*dolus specialis*). Hal ini membawa maksud jenayah genosid ini merupakan suatu tindakan pembunuhan yang dilakukan secara sengaja dengan niat untuk menghilangkan nyawa sekelompok manusia. Oleh itu, pihak yang melakukan jenayah tersebut perlu bertanggungjawab sekiranya mempunyai niat khusus dan sengaja melakukan jenayah tersebut walaupun yang terbunuh hanyalah satu orang.

Jenayah genosid ini termasuk salah satu jenayah serius dalam undang-undang antarabangsa Islam kerana jenayah ini melanggar prinsip asas hak asasi manusia iaitu hak untuk hidup yang merupakan hak milik mutlak manusia tanpa mempertimbangkan warna kulit, agama, bangsa, warganegara dan kedudukan dalam masyarakat. Hak untuk hidup adalah hak yang paling penting dan perlu mendapat perhatian kerana ia adalah hak suci, tidak dibenarkan oleh undang-undang untuk melanggar kemuliaannya dan tidak boleh dipandang rendah keberadaannya. Artikel 2 (a) dan (b) Deklarasi Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia Dalam Islam (1990) dengan jelas menyatakan:

(a) *Life is a God-given gift and the right to life is guaranteed to every human being. It is the duty of individuals, societies and states to protect this right from any violation, and it is prohibited to take away life except for a Shari'ah-prescribed reason. (b) It is forbidden to resort to such means as may result in the genocidal annihilation of mankind.*

Terjemahan: (a) Hidup suatu kurniaan Tuhan dan hak kehidupan dijamin untuk setiap manusia. Menjadi tugas semua individu, masyarakat dan negara untuk melindungi hak ini dari sebarang pelanggaran, dan dilarang mengambil nyawa kecuali atas alasan ditetapkan Syariah. (b) Dilarang menggunakan cara

seumpamanya yang mungkin menyebabkan kehancuran yang membunuh umat manusia.

Keterangan deklarasi tersebut jelas mengecam tindakan pembunuhan terhadap umat manusia tanpa alasan yang benar sepertimana ditetapkan oleh Syari'at apatah lagi pembunuhan dengan tujuan menghapuskan atau membasmi kewujudan umat manusia.

Antara contoh peristiwa pembunuhan yang boleh diklasifikasikan sebagai genosid menurut Islam ialah pembunuhan yang dilakukan oleh Firaun terhadap kanak-kanak di zamannya sepertimana diceritakan oleh Allah Ta'ala di dalam al-Qur'an:

وَإِذْ نَجَّيْنَاكَ مِنَ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكَ سُوءَ الْعَذَابِ يُدَبِّحُونَ أَبْنَاءَكَ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكَ وَفِي ذَلِكُمْ بَلَاءٌ مِّن رَّبِّكَ عَظِيمٌ ٤٩

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Kami selamatkan kamu dari (Firaun) dan pengikut-pengikutnya; mereka menimpakan kepadamu seksaan yang seberat-beratnya, mereka menyembelih anak-anakmu yang lelaki dan membiarkan hidup anak-anakmu yang perempuan. Dan pada yang demikian itu mengandung bala bencana dan cubaan yang besar dari Tuhanmu.

(Surah al-Baqarah: 49)

Begitu juga sepertimana diungkapkan di ayat yang lain:

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي الْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيْعًا يَسْتَضَعِفُ طَائِفَةٌ مِّنْهُمْ يُدَبِّحُونَ أَبْنَاءَهُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَهُمْ إِنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ ٤

Terjemahan: Sesungguhnya Firaun telah berbuat sewenang-wenang di muka bumi dan menjadikan penduduknya berpecah belah, dengan menindas segolongan dari mereka, menyembelih anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya Firaun termasuk orang-orang yang berbuat kerosakan.

(Surah al-Qaṣaṣ: 4)

Menurut El-Dakkak (2000), dua ayat ini memberikan contoh akan pembunuhan skala besar-besaran yang dilakukan oleh Firaun terhadap anak-anak lelaki Bani Israil, yang mana diperlukan langkah-langkah pencegahan supaya kejahatan tersebut tidak berterusan. Isyarat terhadap pelaksanaan langkah pencegahan ini dapat dilihat di dalam al-Qur'an ketika mana Nabi Musa dan Nabi Harun 'alahimassalām diperintahkan oleh Allah pergi menemui Firaun untuk menasihati dan mencegahnya daripada terus melakukan pembunuhan demi pembunuhan terhadap Bani Israil, sepertimana tertulis di dalam al-Qur'an:

فَأْتِيَاهُ فَقُولَا إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ فَأَرْسِلْ مَعَنَا بَنِي إِسْرَءِيلَ وَلَا تُعَذِّبْهُمْ

Terjemahan: Maka datanglah kamu berdua kepadanya (Firaun) dan katakanlah, "Sesungguhnya kami berdua adalah utusan Tuhanmu, maka lepaskanlah Bani Israil bersama kami dan janganlah kamu terus menyiksa mereka.

(Surah Tāhā: 47)

Berdasarkan keterangan tersebut, jelas bahawa tindakan pembunuhan yang disebut sebagai genosid untuk menghapuskan sesuatu kumpulan atau kelompok tertentu merupakan perbuatan yang terkutuk dalam Islam dan dianggap sebagai jenayah yang amat buruk terhadap hak asasi manusia iaitu hak untuk hidup kerana mengakibatkan kehilangan nyawa orang-orang yang tidak berdosa. Justeru, undang-undang antarabangsa Islam seiring dengan undang-undang antarabangsa moden dalam menetapkan bahawa jenayah genosid merupakan jenayah serius yang melanggar hak asasi manusia.

Keperluan mengintegrasikan undang-undang antarabangsa Islam dalam wacana hak asasi manusia

Melalui kajian ini, terdapat keperluan untuk mengintegrasikan undang-undang antarabangsa Islam ke dalam wacana hak asasi manusia. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat menggambarkan bagaimana pemikiran ilmiah yang kreatif dapat memberikan pilihan dan cara berfikir yang tepat mengenai pendekatan inovatif terhadap pluralisme yang sah. Hal ini juga menunjukkan bahawa keilmuan perundangan melalui ‘keluarga perundangan’ dapat menjadi ‘jalan dua arah’, sekaligus dapat memperkaya tradisi perundangan.

Selain itu, ia dapat mengalihkan agenda intelektual daripada terus terperangkap dalam aliran sehalu kepada reka bentuk pelbagai hala yang bersesuaian. Hal ini bertepatan dengan saranan yang dikemukakan oleh sebahagian pemikir Muslim yang menuntut supaya undang-undang antarabangsa Islam berperanan dalam pembangunan dan pembinaan undang-undang antarabangsa yang bersifat universal (Al-Khasawneh, 2013).

Menurut Baderin (2017), para pemikir Muslim pada masa kini khususnya para ahli perundangan perlu terbuka dan berani untuk menyatakan dan menafsirkan undang-undang mengikut keperluan semasa mereka, walaupun pada kenyataan dan tafsirannya berbeza dengan kebijaksanaan yang diwarisi oleh para pemikir Muslim terdahulu. Para pemikir Muslim moden juga perlu berusaha menuju reformasi untuk ‘mendamaikan’ (*reconcile*) di antara aspek Syari’at dengan tuntutan dan harapan hak asasi manusia hari ini, sepertimana para pemikir Muslim awal melakukannya dengan sangat baik sehingga berjaya melayani keperluan dan aspirasi masyarakat mereka selama berabad-abad (Al-Na’im, 1984).

Sebagai contoh, hakikat bahawa hak untuk hidup dikodifikasikan di hampir setiap negara di dunia adalah petunjuk yang kuat bahawa jenayah genosid merupakan pelanggaran terhadap hak asasi manusia sama ada di sisi undang-undang antarabangsa moden mahupun undang-undang antarabangsa Islam. Lebih-lebih lagi, hak untuk hidup telah dikodifikasikan di dalam dua set perjanjian antarabangsa, iaitu Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Deklarasi Kaherah mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam (CDHRI). Kedua-dua set perundangan ini telah diiktiraf secara rasmi oleh hampir setiap negara di dunia. Berdasarkan tafsiran terhadap rangka kerja undang-undang tersebut, masyarakat antarabangsa berkewajipan untuk melindungi hak asasi manusia termasuklah mencegah daripada berlakunya jenayah genosid.

Penutup

Islam amat menekankan perlindungan terhadap hak asasi manusia terutamanya hak yang paling mendasar, iaitu hak untuk hidup. Tidak diperkenankan apa jua pertimbangan hak hidup berdasarkan asal usul, ras, etnik, agama, bahasa dan status sosial. Sebagai ‘mantera sejagat’,

isi kesepakatan hubungan sesama manusia perlu menempatkan setiap bangsa dan etnik dalam posisi sederajat dalam mengecapi hak hidup masing-masing. Oleh itu, segala tindakan yang boleh memusnahkan kehidupan sebahagian atau keseluruhan kelompok manusia yang dikenali sebagai genosid merupakan suatu pelanggaran serius terhadap hak asasi manusia.

Secara keseluruhannya, jenayah genosid merupakan tindakan kejam yang menafikan nilai dan hak kemanusiaan. Jenayah ini bukan sahaja merupakan pelanggaran serius terhadap hak asasi manusia dalam kerangka undang-undang antarabangsa moden, bahkan turut ditegah secara mutlak oleh undang-undang antarabangsa Islam yang menekankan prinsip persamaan dan perlindungan hak asasi manusia.

Pada akhirnya, jelas bahawa undang-undang antarabangsa moden dan undang-undang antarabangsa Islam mempunyai matlamat yang sama dalam menolak penindasan serta melindungi maruah manusia daripada kezaliman jenayah genosid. Integrasi di antara kedua-dua instrumen undang-undang ini perlu terus diperkukuhkan bagi memastikan perlindungan menyeluruh terhadap manusia sejagat, serta menegakkan keamanan berteraskan nilai kemanusiaan sejati.

Rujukan

- Awdah, A. Q. (1999). *Al-Tashrī' al-Jinā'i al-Islāmi Muqāranah*. Muassasah al-Risālah.
- Baderin, M. A. (2018). Islamic Socio-Legal Norms and International Criminal Justice in Context: Advancing an 'Object and Purpose' cum 'Maqāsid' Approach. In T. Gray (Ed.), *Islam and International Criminal Law and Justice* (pp. 45-82). Torkel Opsahl Academic EPublisher.
- Baderin, M. A. (2017). *Islam and Human Rights: Selected Essays of Abdullahi Ahmed an-Na'im*. Routledge Publisher.
- Bani-Meqdad, M. A. (2024). The Crime of Genocide Considering International Humanitarian Law. *Pakistan Journal of Criminology*, 16(2), 659-667. <https://doi.org/10.62271/pjc.16.2.659.667>
- Bassiouni, M. C. (2014). *The Shari'a and Islamic Criminal Justice in Time of War and Peace*. Cambridge University Press.
- Bassiouni, M. C. (1980). *A Draft International Criminal Code (Commentary Article IV, Genocide)*. Siujthoff & Noordhaff Publishers.
- Darwis, R. & Dilo, A. U. (2013). Transformasi Hukum Islam Dalam Bentuk al-Qānūn al-Duwalī. *Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah*, 13(2), 271-282. <http://dx.doi.org/10.15408/ajis.v13i2.939>
- Brownlie, I. (1983). *System of the Law of Nations: State Responsibility*. Clarendon Press.
- Debbas, V. G. (1990). *Collective Responses to Illegal Acts in International law*. Nijhoff Publishers.
- El-Dakkak, S. (2000). *State's Crimes Against Humanity: Genocide, Deportation and Torture. From the Perspectives of International and Islamic Laws*. A.S. Noordeen Publisher.
- Evans, T. (2005). *The Politics of Human rights: A Global perspective*. Sterling Virginia.
- Friedlander, H. (1997). *The Origin of Nazi Genocide*. University of North Carolina Press.
- Horand, M. B. & Pourghahramani, B. (2016). Genocide in Light of the Principles and Rules of International Law. *Asian Social Sciences*, 12(1), 247-256. <https://doi.org/10.5539/ass.v12n1p247>
- Ibnu Kathīr, A. F. I. I. U. (2015). *Tafsīr Ibnu Katsir*. Trans. A. R. Hakim et al. Insan Kamil.
- Kelly, M. J. (2008). Islam and International Criminal Law: A Brief (In) Campatibility Study. *Yearbook of Islamic and Middle Eastern Law Online*, 14(1), 3-25. <https://doi.org/10.1163/22112987-91000205>
- Al-Khasawneh, A. S. (2013). Islam and International Law. In M. L. Frick & A. T. Muller (Eds.), *Islam and International Law: Engaging Self-Centrism from a Plurality of Perspectives* (pp. 29-42). Martinus Nijhoff Publishers.
- Kirchner, S & Orozco Lopez, D. P. (2021). Acts of Genocide and International Law. *Revista Mision Juridica*, 14(20), 44-54. <http://dx.doi.org/10.25058/1794600X.1906>
- Kress, C. (2007). The International Court of Justice and the Elements of the Crime of Genocide. *The European Journal of International Law*, 18(4), 619-629. <https://dx.doi.org/10.1093/ejil/chm039>
- Leblanc, L. J. (1991). *The United States and the Genocide Convention*. Duke University Press.
- Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). *Reports of Judgments, Advisory Opinions and Orders (Reservations to The Convention on The Prevention and Punishment of The Crime of Genocide)*. 28 Mei 1951.
- Malekian, F. (2016). Comparative Substantive Criminal Justice. In R. Slye (Ed.), *The Nuremberg Principles in Non-Western Societies: A Reflection on their Universality, Legitimacy and Application* (pp. 20-52). International Nuremberg Principles Academy.

- Malekian, F. (2011). *Principles of Islamic International Criminal Law: A Comparative Search* (2nd ed.). Brill Publisher.
- Mohd Amin, A. (2016, Disember 16). *Piagam Madinah Pelopor Hak Asasi Manusia* laman sesawang Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. YADIM. <https://www.yadim.com.my/v2/piagam-madinah-pelopor-hak-asasi-manusia/>.
- Al-Na'im, A. A. (1984). A Modern Approach to Human Rights in Islam: Foundations and Implications for Africa. In C. E. Welch & R. I. Metzler (Eds.), *Human Rights and Development in Africa* (pp. 75-89). State University of New York Press.
- Persidangan Dunia Mengenai Hak Asasi Manusia (Deklarasi dan Program Tindakan Vienna). 25 Jun 1993.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat). 10 Disember 1948.
- Pertubuhan Kerjasama Islam (Deklarasi Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia Dalam Islam). 05 Ogos 1990.
- Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. 26 Jun 1945. Berkuatkuasa 24 Oktober 1945.
- Al-Qadri, M. T. (2012). *The Constitution of Medina: 63 Constitutional Articles*. Minhaj al-Qur'an Publication.
- Qutb, S. (2009). *In the Shade of the Qur'ān*. Trans. M. A. Salah & A. A. Shais. The Islamic Foundation.
- Schabas, W. A. (2001). *An Introduction to The International Criminal Court*. Cambridge University Press.
- Shāfi, M. (2011). *Ma'āriful Qur'ān: A Comprehensive Commentary on the Holy Quran*. Trans. M. Shamīm & M. W. Rāzi. Maktabah Dār al-'Ulūm.
- Shaw, M. (2025). Gaza and the Structure of Genocide in Palestine. *The Journal of Imperial and Commonwealth History*, 53(2), 416-422. <https://doi.org/10.1080/03086534.2025.2493304>
- Siri Perjanjian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (No. 1021, 1951), Konvensyen Pencegahan dan Hukuman Jenayah Genosid, 9 Disember 1948, Berkuatkuasa 12 Januari 1951.
- Suntana, I. (2015). *Politik Hubungan Internasional Islam (Siyasah Dauliyah)*. Pustaka Setia.
- Thornberry P. (1991). *International Law and Rights of Minorities*. Clarendon Press.
- Wheeler, N. J. (2000). *Saving Strangers: Humanitarian Intervention in International Society*. Oxford University Press.